

22 OCT 2002

ABDULLAH DILANTIK TIMBALAN PENGERUSI BN

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Dewan Tertinggi Barisan Nasional hari ini bersetuju untuk melantik Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Pengerusi BN.

Persetujuan itu dicapai berdasarkan kata sepakat parti-parti komponen BN untuk mewujudkan jawatan berkenaan, kata Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Timbalan pengerusi yang dipersetujui ialah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, supaya kalau saya tidak ada, mesyuarat boleh diadakan tanpa mengadakan mesyuarat untuk melantik pengerusi," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini.

Selain itu, mesyuarat berkenaan juga bersetuju mewujudkan secara rasmi pergerakan Pemuda dan Wanita BN.

Dr Mahathir berkata untuk itu, mesyuarat bersetuju supaya perlembagaan BN dipinda.

-- BERNAMA
MAM MAM MAI